

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 MAY 2016

Bergaul dengan penganut agama lain wujud persefahaman: PM

BH- 21/5/2016

➔ Amalan jadikan rakyat Malaysia lebih memahami, menghormati

▪ Kuala Lumpur

Bergaul dengan kumpulan agama lain akan menjadikan rakyat Malaysia lebih memahami dan bukannya memilih untuk melakukan keganasan kerana terpesong daripada ajaran agama mereka, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, amalan sedemikian akan menjadikan rakyat Malaysia lebih alim dan baik, selain lebih memahami dan menghormati.

"Sikap jumud terhadap agama boleh menyebabkan ketaksuban, mencetuskan fahaman ekstrem dan perjuangan yang sesat atas nama agama."

"Mereka yang cuba mengamalkan agama melalui cara terpesong ini hanya 'menggali kubur' agama mereka sendiri," katanya dalam catatan blog rasminya, *NajibRazak.com*, dengan ucapan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada penganut Buddha, hari ini.

Katanya, di Malaysia penganut agama Buddha adalah yang kedua terbesar selepas masyarakat Islam.

Najib berkata, hakikat banyak kuil dan pusat penganut Buddha

dibina di negara ini adalah bukti kebebasan beragama di negara berbilang etnik dan agama di Malaysia.

Beliau mengakui banyak kumpulan penganut Buddha membantu rakyat Malaysia ketika bencana alam di negara ini seperti banjir di Kelantan pada penghujung tahun 2014.

Dekati masyarakat Islam

"Melihat ramai penganut Buddha membantu mendekati masyarakat Islam dan komuniti Orang Asli yang terjejas teruk akibat banjir adalah sesuatu yang mengagumkan."

"Setiap hari sepanjang minggu, kumpulan ini mengendalikan dapur bantuan, memberi makanan kepada yang memerlukan. Ketika hari raya, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan Krismas, mereka menghulurkan pek makanan mengandungi makanan kering, alat mandian, tuala, baju dan lain-lain kepada golongan memerlukan," katanya.

Beliau berkata, beberapa kumpulan penganut Buddha juga mengendalikan rumah orang tua dan anak yatim.

"Penganut Buddha adalah kumpulan terbesar yang memberikan ikrar janji untuk menderma kornea mereka, membantu memberikan cahaya kepada yang cacat penglihatan."

"Mereka melakukan ini semua atas tuntutan agama, menolong semua orang tanpa mengira agama. Saya mahu mengucapkan tahniah kepada anda yang patuh terhadap ajaran agama tanpa mementingkan diri," katanya.



Sikap jumud terhadap agama boleh menyebabkan ketaksuban, mencetuskan fahaman ekstrem dan perjuangan yang sesat atas nama agama. Mereka yang cuba mengamalkan agama melalui cara terpesong ini hanya 'menggali kubur' agama mereka sendiri"

Najib Razak,
Perdana Menteri

BERNAMA